

Kepada : Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Daripada : Pemangku Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM/687 Jld. 16 ( 59 )

Tarikh : 03 Februari 2020  
09 Jamadil Akhir 1441H

**PERINGATAN MESRA : PELAKSANAAN PENGURUSAN PEROLEHAN SEHINGGA RM20,000.00 MELALUI PESANAN BELIAN (PO) DI PERINGKAT PTJ**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Perolehan, pembelian sehingga RM20,000.00 perlu menggunakan pesanan belian (PO). Hasil auditan bagi bayaran-bayaran bekalan/perkhidmatan yang bernilai sehingga RM20,000 mendapati banyak bayaran yang dibuat tanpa menggunakan pesanan belian (PO) dan PTj sering mengemukakan alasan/penjelasan untuk tidak menggunakan pesanan belian (PO) bagi tujuan melepaskan bayaran. Di samping itu juga, terdapat pecah kecil yang dirancang dalam pengurusan perolehan.

3. Sehubungan itu, pihak PTj diingatkan dan diminta untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan memastikan :-

- a) penyediaan perancangan perolehan tahunan bagi meningkatkan ketelusan dalam perolehan Universiti;
- b) perolehan Universiti dirancang dengan teliti dan sistematik supaya tiada pembelian dikategorikan sebagai pecah kecil belian ;
- c) pemantauan perolehan dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kelewatan, penyelewengan, salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;
- d) perolehan yang dibuat adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan serta peraturan perolehan semasa Universiti;
- e) perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir;

4. Jabatan Bendahari berhak **menolak** sebarang alasan/penjelasan yang dikemukakan bagi tujuan yang hanya untuk melepaskan bayaran dan PTj boleh dikenakan tindakan kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5. Oleh yang demikian, semua PTj diminta untuk **mengambil maklum** dan **ingatan** mengenai perkara ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Sayed Muhd Arif bin Sayed Yahya di talian 05-450 6301 atau Puan Noriah binti Serbaini di talian 05-450 6921.

Sekian, terima kasih.

**"UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED)**  
Pemangku Bendahari

s.k. : Yg. Bhg. Dato Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Ketua Unit Integriti  
Ketua Bahagian Audit Dalam

